

Kerangka dasar diperkenal Anwar disambut baik

Kumpulan Pemikir Malaysia yakin tujuh sasaran boleh dicapai

Kuala Lumpur: Kumpulan Pemikir Malaysia berharap hampir semua tujuh sasaran Ekonomi MADANI boleh dicapai dalam dekad akan datang, termasuk berada dalam kalangan 30 ekonomi terbesar dunia dan senarai 12 teratas dalam Indeks Daya Saing Global.

Menyambut baik kerangka dasar Ekonomi MADANI diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memakmurkan Malaysia secara mampan dan melindungi lagi kesejahteraan rakyat, mereka juga percaya kemampuan fiskal boleh dicapai dan Malaysia mampu mencapai defisit fiskal tiga



peratus atau lebih rendah lagi.

Ketua penyelidik di INCEIF University (Pusat Kecemerlangan dalam Kewangan Sosial Islam), Prof Dr Baharom Abdul Hamid, berkata beberapa pembangunan baik sedang dilaksanakan ketika ini, terutama di Lembah Klang.

"Contohnya, Elon Musk (Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Tesla Inc) menyuarakan hasratnya melabur di Malaysia dan saya sangat berharap kali ini ia benar-benar berlaku.

"Tidak seperti 20 tahun lalu apabila Bill Gates (pengasas bersama gergasi perisian Microsoft) berkata beliau akan datang ke sini, tetapi itu tidak pernah berlaku," katanya pada program *The Brief-Special* terbitan Bernama TV.

Khamis lalu, Anwar memperkenalkan platform Ekonomi MADANI untuk menyusun semula ekonomi bagi mendukung usaha menjadikan Malaysia peneraju di rantau Asia Tenggara untuk memberi manfaat kepada rakyat, seterusnya memberikan mereka kualiti hidup lebih baik.

Rangka kerja itu juga akan menjadi asas kepada beberapa dasar khusus lain yang akan diumumkan kemudian, termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Baru-baru ini, Tesla Inc dilaporkan bakal membuka ibu pejabatnya di Selangor tahun ini.

"Ia sebenarnya bukan mengenai Elon Musk semata-mata, lebih kepada kesan domino atau kesan pencetus pergerakan sedemikian terhadap orang lain, ibaratnya 'Hei! Elon Musk sedang menuju ke Kuala Lumpur. Kami juga mahu berada di sana.'

"Jadi, (pergerakan) ini akan menjadi magnet berkesan. Oleh

itu, 'Greater' KL mempunyai potensi untuk menjadi pusat bandar raya utama ASEAN jika pelan itu dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta guna sumber yang ada dengan sebaik mungkin," kata Baharom.

Mampu tarik ramai pelabur

Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaya, Dr Elya Nabila Abdul Bahri, berkata melalui persekitaran yang baik, kemudahan menjalankan perniagaan dan keadaan pasaran yang wajar, Malaysia berupaya menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI).

"Dari segi tingkah laku pengguna, kita mempunyai penembusan pasaran lebih baik berikutan rakyat gemar berbelanja. Dari segi kuasa beli, walaupun ketika ini kita berdepan kos sara hidup tinggi, kuasa beli masih agak stabil.

"Jadi, wujud potensi pasaran untuk DDI dan FDI di negara ini bagi memastikan kesan penggan-



da itu," katanya turut menyambut baik aspirasi kerajaan mengantarabangsakan syarikat pemula niaga tempatan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Katanya, langkah itu akan menyokong 79 peratus daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Ahli Majlis Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, Datuk Dr AT Kurnamarajah pula melihat naratif kerangka dasar Ekonomi MADANI amat jelas tanpa ada ketirisan atau kelemahan.

Beliau bagaimanapun menekankan kepentingan '5P' untuk diamalkan kerajaan, iaitu Penerimaan, Pemahaman, Perancangan, Pelaksanaan dan Penglibatan pemegang taruh bagi merealisasikan naratif terbabit.

Katanya, kerangka Ekonomi MADANI tidak mengetepikan PMKS dan kerajaan juga berhasrat menjadikan DDI sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) yang penting kerana negara tidak mahu terus bergantung pada FDI. BERNAMA